Bekalan air mencukupi

Kuala Lumpur: Bekalan air di seluruh negara masih mencukupi dan terkawal walaupun berdepan cuaca panas akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga Mac depan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Datuk Ismail Kasim berkata, setakat ini, pihaknya tidak menerima laporan kekurangan bekalan asas itu, malah keperluan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam keadaan terkawal.

"SPAN juga sudah meminta operator air di semua negeri supaya memantau rapi keadaan di empangan dan sungai yang membekalkan sumber air mentah ke loji rawatan air.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan sumber air di negeri masing-masing mencukupi untuk memenuhi keperluan bahan asas itu kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, cuaca panas akibat fenomena El Nino ketika ini juga boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus.

"Sehubungan itu, adalah lebih baik sekiranya kerajaan negeri turut mengkaji sumber alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah sumber dan bukannya hanya bergantung kepada sumber air di empangan dan sungai

"Pengguna juga dinasihatkan supaya mengamalkan sikap berhemah menggunakan air dengan tidak membazir supaya sumber air yang ada akan dapat bertahan lebih lama," katanya.

ORANG awam membuat pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam.